

FELCRA NIAGA SDN. BHD.

DOKUMEN TAWARAN / TENDER TERBUKA

**MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BEG BAJA TUNGGAL &
SEBATIAN NPK SECARA EX-GUDANG FELCRA NIAGA SDN. BHD.**

NO. TAWARAN : TFN 23/2023

KOD BIDANG PENDAFTARAN : 020501, 020901

TARIKH IKLAN : 01 DISEMBER 2023 (JUMAAT)

TARIKH TUTUP TENDER : 07 DISEMBER 2023 (KHAMIS)

PERINGATAN :

- 1. Petender-petender dikehendaki meneliti dan memahami keseluruhan butir-butir dokumen tender sebelum mengemukakan tawaran.**
- 2. Pastikan dokumen tender adalah lengkap dan sekiranya terdapat maklumat lanjut yang diperlukan, adalah menjadi tanggungjawab petender untuk mendapatkan penjelasan daripada FELCRA Niaga Sdn. Bhd.**

FELCRA NIAGA SDN. BHD.**KENYATAAN TAWARAN****MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BEG BAJA TUNGGAL & SEBATIAN NPK SECARA EX-GUDANG FELCRA NIAGA SDN. BHD.****NO. TAWARAN : TFN 23/2023****1. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

Tawaran ini adalah **Tender Terbuka** dan dipelawa seperti berikut:

- 1.1 Pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar dengan FELCRA Berhad (keutamaan kepada Kontraktor Bumiputera) yang berpengalaman dengan bidang yang berkaitan, mempunyai keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang **020501 (Bahan Pembungkusan / Bekas / Kotak / Palet), 020901 (Bahan Tarpaulin dan Kanvas)**.
- 1.2 Tempoh pendaftaran syarikat dengan **FELCRA Berhad** dan Kementerian Kewangan hendaklah masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh tutup tawaran tender.
- 1.3 Pembekal **hendaklah mengemukakan Sijil Pendaftaran Kontraktor** dengan FELCRA Berhad, Sijil Pendaftaran Syarikat dan Sijil Pendaftaran mengikut kelayakan tender Kelas / Gred yang ditentukan dan berkaitan untuk semakan **sebelum dibenarkan membeli dokumen tawaran**.

2. TEMPOH TAWARAN

- 2.1 Tempoh tawaran tender adalah selama **Tujuh (7) hari bermula pada 01 Disember 2023 (Jumaat)** dan **tarikh tutup tender adalah pada 07 Disember 2023 (Khamis)**.
- 2.2 Petender hendaklah mengemukakan Tawaran Tender **sebelum atau jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender**. Tawaran Tender yang dikemukakan selepas jam 12.00 tengah hari

RAYUAN TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.

3. DOKUMEN TAWARAN

- 3.1 Dokumen tawaran dijual dengan kadar harga **RM 400.00** (tidak dikembalikan). Bayaran bagi Pembelian Dokumen Tawaran adalah berbentuk Tunai / Deraf Bank berpaling atas nama **FELCRA NIAGA SDN. BHD.** Dokumen tawaran boleh didapati melalui Kaunter pada waktu pejabat (antara 9.30 pagi hingga 4.00 petang) di Bahagian Perolehan, Ibu Pejabat Felcra Niaga Sdn. Bhd. No. 10, Jalan Usahawan 5 Kawasan Perusahaan Setapak Off Jalan Genting Klang 53200 Setapak Kuala Lumpur mulai **01 Disember 2023 (Jumaat)**.

- 3.2 Dokumen tawaran sebutharga yang telah sempurna diisi dan ditandatangani dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, tuliskan nombor dan nama tawaran. Dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran A di alamat seperti di atas.
- 3.3 Kenyataan ini juga terdapat dalam Laman Web FELCRA Niaga Sdn Bhd : www.felcraniaga.com.my

4. PERTANYAAN

- 4.1 Petender adalah dibenarkan untuk mengemukakan pertanyaan atau memohon penjelasan mengenai arahan / syarat tawaran tertakluk kepada pertanyaan tersebut dibuat secara bertulis kepada **Urusetia Tawaran** dalam tempoh **Tujuh (7) hari dalam tempoh tawaran**. melalui medium-medium berikut sahaja:

- i) **E-Mel**

tender@felcraniaga.com.my

- ii) **Surat**

Alamat surat-menyurat adalah seperti berikut:

FELCRA Niaga Sdn. Bhd.
No. 10, Jalan Usahawan 5
Kawasan Perusahaan Setapak
53200 Setapak, Kuala Lumpur
(u.p : Urusetia Tawaran – No. Tawaran : TFN 23/2023)

- iii) **Faks**

03 41423096

- 4.2 Tiada pertanyaan boleh dibuat selepas tarikh tutup tawaran. Bukti penghantaran pertanyaan tidak boleh dianggap sebagai penerimaan oleh FELCRA Niaga Sdn. Bhd.
- 4.3 Adalah diingatkan Felcra Niaga Sdn. Bhd. tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini.